

PERUTUSAN

102

KAMPUNG GAJAH (PERAK, 1 MAC (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN PERLU NYA PELAJAR-PELAJAR YANG BERPELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGI MENDAMPINGKAN DIRI LEBIH MESRA DENGAN RAKYAT.

KATANYA, +SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI YANG BERTANGGUNGJAWAB MEREKA SANGAT DIGALAKKAN UNTUK MENYERTAI USAHA-USAHA MENDAMPINGI RAKYAT.+

DR. MAHATHIR MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERUTUSANNYA UNTUK BUKU CENDERAMATA SEMPENA PELANCARAN PROJEK PERTAMA +BAKTISISWA+ YANG DISERTAI OLEH 120 ORANG MAHASISWA DAN MAHASISWI UNIVERSITI MALAYA YANG BERLANGSUNG DISINI SELAMA 10 HARI MULAI HARI AHAD LALU.

BELIAU MENGINGATKAN PARA PELAJAR YANG MENYERTAI PROJEK ITU SUPAYA MENJAGA NAMA BAIK PERSATUAN MEREKA AGAR JASA-JASA YANG LALU DAPAT DIKENANG DAN BAKTI KINI DAPAT MENAMBAH KEPERCAYAAN MASYARAKAT TERHADAP PERSATUAN MEREKA.

DALAM PROJEK TERSEBUT YANG DIANJURKAN OLEH PERSATUAN BAHASA MELAYU UNIVERSITI MALAYA (PBMUM) PARA PELAJAR ITU TINGGAL DENGAN BAPA DAN EMAM ANGKAT MEREKA DALAM TUJUH BUAH KAMPUNG DI SEKITAR DAERAH KECIL KAMPUNG GAJAH. -- BERSAMBUNG 1122/SZ

££

B516

PERUTUSAN 2 KAMPUNG GAJAH

MEREKA BUKAN SAHAJA TINGGAL BERSAMA KELUARGA ANGKAT YANG SEBILANGAN BESARNYA TIDAK MEMPUNYAI KELENGKAPAN HIDUP MODEN, TETAPI MEREKA JUGA DIKEHENDAKI MENGIKUT SEGALA KEGIATAN KELUARGA ANGKAT SEPERTI MENOREH GETAH, MENANGKAP IKAN DAN KE SAWAH.

MENURUT JADUAL-JADUAL YANG DITENTUKAN MEREKA AKAN MENYERTAI BEBERAPA GERAK KERJA GOTONGROYONG MEMBINA DAN MEMBAIKI JALAN-JALAN KAMPUNG, MEMBINA TANDAS CURAH DAN MEMBERSIHKAN BEBERAPA KAWASAN PERKUBURAN ISLAM SERTA MEMBERSIHKAN PEKAN KAMPUNG GAJAH.

NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYA, PROF. UNGKU AZIZ DALAM PERUTUSANNYA BERHARAP PARA PELAJAR YANG MENYERTAI PROJEK +BAKTISISWA+ INI DAPAT MEMBERIKAN PENERANGAN DAN PANDUAN TENTANG PELBAGAI LAPANGAN SEPERTI KESIHATAN, PELAJARAN DAN LAIN-LAIN KEPADA PENDUDUK TEMPATAN.

MENTERI BESAR PERAK, TAN SRI HAJI GHAZALI JAWI DALAM PERUTUSANNYA BERKATA DENGAN ADANYA KEMPEN KESEDARAN SEPERTI INI AKAN DAPAT MEMBIMBING MASYARAKAT TEMPATAN DALAM MENSESUAIKAN DIRI DENGAN ARUS PERUBAHAN PEMBANGUNAN DALAM BERBAGAI ASPEK KEHIDUPAN.

SEORANG AHLI MAJLIS KERJA NEGERI PERAK, DATUK TAJUDDIN ALI YANG MEWAKILI MENTERI BESAR TELAH MERASMIKAN PELANCARAN PROJEK ITU DALAM SUASANA MERIAH YANG DIHADIRI OLEH LEBIH 1,000 ORANG PENDUDUK DI BALAIRAYA KAMPUNG GAJAH. -- BERNAMA 1175/SZ